

TS
447

**KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM PERANTISAN
GIATMARA SENDIRIAN BERTHAD - UNIT
PERANCANG EKONOMI (EPU)
TERHADAP PERANTIS**

SARINAI BT OMAR

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN
IBU PEJABAT MARA

KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM PERANTISAN
GIATMARA SENDIRIAN BERHAD – UNIT PERANCANG
EKONOMI (EPU) TERHADAP PERANTIS

SARINAH BT OMAR

ZP 00211

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN

FAKULTI EKONOMI PERNIAGAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2010

Control No:	000438
Accession No.:	400447
LC No.:	TS.8273 2010

PENGAKUAN

ABSTRAK

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

02 Julai 2010

SARINAH BT OMAR
ZP 00211

ABSTRAK

Kajian ini adalah satu kajian terhadap keberkesanan program perantisan khas GIATMARA Sdn. Bhd. terhadap perantis iaitu pelatih yang mengikuti program ini. Responden kajian ini terdiri daripada perantis yang terlibat secara langsung dengan program ini. Objektif kajian adalah untuk menilai samada kurikulum atau modul yang disediakan dapat diterima sepenuhnya oleh perantis dan sejauh mana pengetahuan tentang kemahiran ini dapat dipelajari. Sampel kajian adalah seramai 10 orang perantis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kaedah kajian adalah secara temubual dengan perantis. Kajian juga mendapati bahawa semua faktor yang dikaji mempunyai perhubungan di antara satu sama lain tetapi yang paling menunjukkan perhubungan paling kuat adalah di antara perantis dan kemahiran perantis. Manakala faktor-faktor lain seperti latarbelakang akademik, umur dan jantina perantis tidak memberi apa-apa kesan kepada pengetahuan dan kemahiran pelatih.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. kerana dengan limpah kurnia-Nya, kajian ini berjaya disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Penghargaan ikhlas yang tidak terhingga kepada Dr. Rosmah bt Mat Isa yang memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan lancar.

Mengambil kesempatan ini juga, ucapan penghargaan saya tidak dilupakan kepada Pengurusan GIATMARA Ibu Pejabat terutama Ketua Pegawai Eksekutif GIATMARA; Puan Hjh Meriyam bt Abd Majid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Sektor Khidmat Pegurusan; Tn Hj Abd Halim Bin Mansor dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Sektor Pembangunan Latihan; En Jamal Nasir Bin Othman serta Ketua Jabatan-Ketua Jabatan, Pengurus-pengurus GIATMARA Negeri, Pengurus-Pengurus GIATMARA, anggota kerja GIATMARA di seluruh Malaysia dan Entiti Perniagaan/Perusahaan yang memberi sokongan dan kerjasama yang amat baik sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Jutaan terima kasih dikalungkan kepada rakan-rakan seperjuangan dan tidak dilupakan juga kepada suami tersayang, En Ghazali Mohd Noor dan anak-anak; Nellysa Nur Shafira, Carlyna Nur Shafira dan Syazwan Nor Syaffiq yang banyak berkorban sepanjang pengajian saya ini dan seterusnya kepada setiap individu-individu yang telah memberi sokongan, semangat dan galakan kepada saya selama ini.

Akhir kalam daripada saya, sesungguhnya setiap jasa dan budi yang dicurahkan oleh semua yang terlibat dalam projek ini hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Sekian, wassalam.

KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latarbelakang	1
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Ringkasan Metodologi Kajian	7
1.6 Implikasi dan Keperluan Kajian	7
1.7 Ringkasan	8
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	9
2.1 Pengenalan	9
2.2 Definisi Latihan Kemahiran	9
2.3 Senario Latihan Kemahiran Di Serata Dunia	10
2.4 Peranan Pihak Kerajaan Dalam Pembangunan Latihan Kemahiran	11
2.5 Definisi Latihan Industri	12
2.6 Kepentingan Menjalani Latihan Industri Kepada Pelajar	13
2.7 Kemahiran Yang Di Perlukan	13

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	16
3.1	Pendahuluan	16
3.2	Instrumen Kajian	16
3.3	Sampel Kajian	18
3.4	Prosidur Kajian	18
BAB 4	ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA	21
4.1	Pendahuluan	21
4.2	Persoalan Kajian	21
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	24
5.1	Rumusan	24
5.2	Implikasi Kajian Terhadap Masa Depan	25
5.3	Limitasi Dan Cadangan Untuk Masa Depan	25
RUJUKAN		27
LAMPIRAN		30
SOALAN MAKLUMBALAS		37

BAB 1 – PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kertas projek ini membincangkan keberkesanan Program Perantisan Khas GIATMARA-EPU iaitu program usahasama di antara GIATMARA dengan EPU (Unit Perancang Ekonomi) dalam membantu para belia di Malaysia yang tercicir dalam arus pembelajaran perdana dalam mendapatkan latihan kemahiran bagi membantu memperbaiki mutu kehidupan agar tidak terus hanyut dalam era globalisasi seterusnya membantu pencapaian negara.

Ia berkonsepkan perlaksanaan satu latihan industri dengan penempatan sekumpulan perantis (yang dipilih dalam kumpulan sasar belia yang telah ditetapkan) di entiti perniagaan/perusahaan (yang juga telah terpilih mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan) selama 6 bulan di mana dalam tempoh tersebut perantis perlu melaksanakan tugas/projek sebenar mengikut amalan dan di bawah seliaan penyelia di tempat entiti perniagaan/perusahaan tersebut.

Permulaan bab ini adalah berkaitan latar belakang kajian, diikuti dengan permasalahan kajian dan persoalan kajian. Seterusnya, tujuan dan objektif kajian dimuatkan dan disusuli ringkasan metodologi kajian yang digunakan. Implikasi dan keperluan kajian kemudiannya dimuatkan dan diikuti ringkasan bab dalam kertas kajian di akhiran bab.

1.2 Latarbelakang

Kemajuan sesuatu bangsa terletak kepada unsur-unsur kecemerlangan yang ada di dalam diri rakyat atau sumber manusianya. Sumber manusia ini bertindak sebagai penggerak kepada pembangunan dengan mengusahakan pelbagai kegiatan kehidupan yang terdapat di dalam sesebuah negara. Kalau kita perhatikan bangsa-bangsa yang maju

(dahulu dan sekarang) mahupun syarikat-syarikat yang berjaya, kita akan dapati kejayaan yang diraih oleh bangsa atau syarikat tadi sememangnya berpaksikan kepada sumber manusia yang cemerlang ini.

Seiring dengan perkembangan semasa, kemasyhuran penggunaan istilah sumber manusia ini mula berkurangan. Sekarang kita lebih selesa dengan istilah modal insan untuk merujuk kepada sumber manusia. Istilah modal insan dilihat lebih mesra kerana sumber manusia tadi dianggap seperti modal (yakni bukan suatu beban atau tanggungan) yang perlu dijaga bagi memastikan kelangsungannya sebagai pemangkin kepada usaha pembangunan. Maka tidak hairanlah dalam pembangunan modal insan, perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan dan pembelajaran, baik yang bersifat ilmiah, profesional mahupun vokasional diberi perhatian yang serius. Dalam hal ini, faham pembelajaran sepanjang hayat berperanan besar dalam memastikan kemampuan yang ada dalam modal insan digilap agar dapat menghasilkan satu tahap kecemerlangan yang diinginkan oleh negara atau syarikat terbabit.

Faham pembelajaran sepanjang hayat adalah satu ilham yang terbit daripada satu laporan yang disediakan oleh Paul Lengrand yang juga merupakan pegawai yang bertanggungjawab ke atas Biro Pendidikan Dewasa (*Adult Education Bureau*), Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 1965. Di dalam laporan tersebut beliau menyatakan bahawa pendidikan tidak sepatutnya terhenti pada usia kanak-kanak atau remaja. Ia perlu mengiringi seseorang itu di sepanjang hayatnya. Apa yang lebih penting ialah faham pembelajaran sepanjang hayat membolehkan semua orang mendapatkan pengetahuan yang sepatutnya untuk membolehkannya mengambil bahagian secara cergas sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab.

Dalam konteks Malaysia, usaha untuk menyemarakkan faham pembelajaran sepanjang hayat ini dapat dilihat menerusi iltizam kerajaan yang dinyatakan di dalam Teras Kedua Misi Nasional yang dimuatkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Pernyataan Teras Kedua itu antara lain menegaskan bahawa kejayaan negara bergantung

kepada mutu modal insan yang dimiliki. Sehubungan dengan itu, kerajaan Malaysia telah membuat iltizam untuk melaksanakan usaha penambahbaikan sistem pendidikan negara secara menyeluruh, dari peringkat pra sekolah hinggalah ke peringkat tinggi dan juga vokasional.

Latihan vokasional dan teknikal juga telah dilihat sebagai satu pendekatan positif dalam usaha untuk menangani masalah kekurangan tenaga kerja yang berkemahiran di samping membendung permasalahan belia di era globalisasi kini. Kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha dalam menjayakan pendekatan ini dengan menubuhkan berbagai pusat latihan dan kemahiran. Masing-masing mempunyai pendekatan dan kaedah penyampaian yang tersendiri mengikut kumpulan golongan sasaran penduduk di Malaysia ini.

Salah satu pusat latihan yang tersohor dalam membangunkan belia di Malaysia adalah GIATMARA Sendirian Berhad. GIATMARA dikenali kerana pencapaiannya dalam membela nasib belia tercicir kepada waganegara yang berkemahiran tinggi dan juga telah melahirkan ramai usahawan teknikal di seluruh negara. Selain itu, GIATMARA juga dikenali kerana mempunyai berbagai-bagai kaedah pendekatan pembelajaran bagi golongan belia tercicir di Malaysia. Di sini kita akan mengkaji salah satu program yang dilaksanakan oleh GIATMARA iaitu Program Perantisan Khas GIATMARA – EPU.

Program Perantisan Khas GIATMARA adalah program perantisan berasaskan komuniti bagi pelajar tercicir dan merupakan projek perintis oleh Unit Perancang Ekonomi yang melantik GIATMARA sebagai agensi pelaksana. Melalui program ini, GIATMARA diberi tanggungjawab untuk melaksanakan satu skim perantisan khusus kepada belia-belia yang tercicir dari sistem persekolahan. Belia yang terpilih akan ditempatkan di entiti perniagaan/perusahaan untuk mengikuti latihan kemahiran dalam tempoh enam bulan di dalam bidang kemahiran yang ditetapkan.

Objektif program ini adalah untuk:

1. menyediakan peluang latihan kemahiran yang khusus kepada pelajar tercicir dari sistem persekolahan bagi memastikan golongan ini memperolehi peluang untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi dan membantu mereka meningkatkan taraf hidup.
2. membantu belia yan tercicir dari sistem persekolahan untuk mendapat kemahiran yang diperlukan bagi tujuan mendapatkan pekerjaan atau menjadi usahawan.
3. membantu untuk menyelesaikan masalah sosial yang timbul akibat keciciran pelajar melalui satu pendekatan latihan yang berbeza dari sistem latihan kemahiran biasa.
4. meningkatkan bilangan tenaga kerja yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan pembangunan negara.
5. memberi peluang perantis untuk terus diserap dan berkhidmat sebagai tenaga buruh di entiti perniagaan/perusahaan yang ditempatkan.
6. melibatkan industri setempat dalam menyediakan peluang latihan dan pekerjaan kepada golongan tersebut.

1.3 Pernyataan Masalah

Golongan belia hari ini merupakan golongan yang akan menjadi tonggak negara pada masa hadapan. Penyertaan mereka dalam mengikuti pembelajaran dalam semua bidang adalah merupakan suatu keperluan penting bagi menghadapi era globalisasi. Malaysia, sebagai sebahagian daripada komuniti kehidupan global pada realitinya juga tidak terlepas dari menghadapi kemelut sosial yang sedang melanda masyarakat belia di dunia masa kini.

Isu-isu berkaitan perlakuan negatif belia Malaysia kesan era globalisasi semakin membimbangkan. Hasrat untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sedang menghadapi ujian dari segi keberkesanan pelaksanaannya kerana masyarakat belia masa kini sedang berhadapan dengan arus globalisasi yang bersamanya membawa masuk pelbagai budaya yang bertentangan dengan budaya setempat.

Hussein Ahmad (2001), memberi penegasan bahawa proses globalisasi yang melanda dunia telah membawa perubahan yang mendadak kepada perlakuan hidup dan norma kehidupan belia di seluruh dunia. Sama ada sesebuah negara itu kecil atau besar, pedalaman benua mahu pun di kepulauan kecil, di pergunungan tinggi mahu pun di lereng, kaki dan lembah bukit, kesemuanya telah menerima tempas dan pengaruh fenomena globalisasi. Kesan yang paling ketara akibat pengaruh globalisasi adalah perubahan gaya hidup terhadap majoriti belia yang begitu terpengaruh dengan amalan negatif kehidupan Barat.

Fenomena yang berlaku boleh dikatakan sebagai satu petunjuk di mana asas-asas budaya, agama dan citra bangsa sendiri mulai longgar dan tercabut secara tidak kita sedari sehinggakan para remaja tidak berasa bersalah untuk meniru secara melulu gaya kehidupan barat seperti kehidupan berfoya-foya dan berseronok-seronok, pergaulan bebas, penganjuran majlis-majlis sosial yang melampaui batas, penonjolan pelbagai fesyen pakaian ala Barat yang keterlaluan dan sebagainya. Fenomena yang berlaku ini telah mencetuskan perasaan kebimbangan terhadap kepimpinan kerajaan pada masa kini. Trend globalisasi telah mencetuskan pelbagai cabaran dalam pelaksanaan pendidikan di Malaysia sebagai tindak balas kepada keterbukaan idea mengenai keperluan pendidikan dalam meningkatkan kualiti hidup.

Satu pernyataan penting dalam falsafah pendidikan di Malaysia adalah usaha untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan

jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990).

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Pelajaran 1979 pula telah menggariskan matlamat pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan individu yang berdisiplin terhadap diri, keluarga, masyarakat, institusi pendidikan dan juga negara.

Matlamat tersebut telah meletakkan satu penanda aras di mana generasi rakyat Malaysia yang telah tamat alam persekolahan akan menjadi warganegara yang dapat memberikan sumbangan bermakna terhadap keharmonian negara. Pernyataan tersebut yang digariskan tiga dekad yang lalu secara relatifnya masih relevan dalam menjawab permasalahan semasa terutama dalam persekitaran kehidupan global yang sentiasa berubah.

Jesteru itu, penglibatan kerajaan Malaysia secara aktif dalam membangun program latihan kemahiran secara berterusan dilihat sebagai salah satu usaha bagi mengatasi masalah ini. Terdapat beberapa institusi latihan kemahiran awam diwujudkan di Malaysia yang menawarkan pelbagai kursus kemahiran dengan pendekatan yang komprehensif bagi menangani permasalahan ini. Di antara institusi-institusi tersebut termasuklah GIATMARA Sendirian Berhad. Di sini, kita akan melihat dan mengkaji salah satu pendekatan program yang digunakan oleh pihak GIATMARA dalam membantu menangani permasalahan ini. Program yang dimaksudkan ialah Program Perantisan Khas GIATMARA - EPU. Untuk memastikan objektif program ini dicapai, kajian ke atas keberkesanan program ini kepada kemahiran perantis melalui modul yang dibuat perlu bagi memastikan latihan kemahiran dari pihak perniagaan/perusahaan dapat dicapai atau dipelajari sepenuhnya oleh perantis. Semua ini boleh dikaji dari segi kurikulum/modul yang diberikan dan kemahiran yang diperolehi oleh perantis itu sendiri.

1.4 Persoalan Kajian

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji keberkesanan program ini dari segi kurikulum/modul yang diberikan dan tahap kemahiran yang diperolehi.

Secara rumusan, objektif kajian ini adalah :-

1. Mengenalpasti modul yang telah diberikan diikuti sepenuhnya oleh entity perniagaan / perusahaan.
2. Mengenalpasti sama ada modul/kurikulum mampu untuk meningkatkan kemahiran pelatih.

1.5 Ringkasan Metodologi Kajian

Kajian ini adalah merupakan satu kajian kualitatif. Semua maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan pemerhatian dan analisis melalui kaedah Temubual Berstruktur dan Perbincangan Terarah Berkumpulan. Segalanya akan diterangkan lebih lanjut di dalam Bab 3.

1.6 Implikasi dan Keperluan Kajian

Kajian ini dibuat adalah bagi mengkaji keberkesanan program ini dari segi kurikulum/modul yang diberikan dan tahap kemahiran yang dipelajari. Maklumat daripada kajian ini akan membolehkan beberapa informasi berguna diperolehi dan seterusnya dapat digunakan bagi membolehkan penilaian dan analisis terhadap program latihan vokasional dibuat. Selain itu, maklumat yang diperolehi akan membolehkan penambahbaikan terhadap program latihan vokasional sedia ada dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan seterusnya menyumbang ke arah memantapkan program yang telah dilaksanakan.

1.7 Ringkasan

Bab 1 ini adalah berkaitan pengenalan kepada kajian. Bab 2 nanti akan membincangkan mengenai sorotan penulisan atau literatur yang ada dan mempunyai kesinambungan mengenai dengan topik kertas projek ini. Seterusnya, Metodologi kajian akan dibentangkan dalam bab 3. Pada bab 4 pula adalah berkaitan keputusan yang telah diperolehi. Analisis terhadap keputusan kajian dan perbincangan akan dimuatkan dalam bab ini sementara bab 5 adalah berkaitan rumusan kajian dan diikuti cadangan kajian pada masa depan.

Hak Milik MARA

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan kajian literatur ke atas latihan kemahiran dari aspek pelaksanaan dan pembangunan latihan. Bab ini akan meliputi definisi latihan kemahiran, senario latihan kemahiran melibatkan negara maju dan membangun, cabaran terhadap latihan kemahiran dan sumbangan latihan kemahiran kepada pertumbuhan ekonomi semasa. Bab ini juga meliputi definisi kepentingan menjalani latihan industri kepada pelajar dan kemahiran yang diperlukan.

2.2 Definisi Latihan Kemahiran

Latihan kemahiran dapat didefinisikan sebagai kaedah pembelajaran berasaskan pekerjaan yang dapat meningkatkan kemahiran dan produktiviti seseorang melalui pusat latihan, institusi dan persekitaran tempat kerja (Tsang, 1999). Menurut Deramanet al. (2002) dan Carnoy (1994), latihan kemahiran adalah pengetahuan dan kemahiran berdasarkan bidang pekerjaan yang diperolehi atau dibangunkan melalui proses pembelajaran. Pendapat yang hampir sama diutarakan oleh Deissinger (1996) dan Ziderman (1997) mengenai latihan kemahiran, merujuk kepada peranan badan-badan dan institusi yang terlibat dalam melayakkan generasi muda termasuk sektor pekerjaan yang memerlukan kemahiran apabila membincangkan mengenai latihan kemahiran.

Mustapha dan Greenan (2002) berpendapat secara amnya, latihan kemahiran adalah satu kaedah dan tempat melahirkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran tertentu. Walaubagaimanapun dalam persekitaran era ekonomi baru, latihan kemahiran dilihat dan diharapkan dapat melahirkan pekerja yang berkemahiran dan bermotivasi tinggi. Merujuk kepada definisi yang telah diberikan, Mustapha dan Greenan (2002) membuat kesimpulan bahawa objektif latihan kemahiran adalah proses mengajar dan mendidik pelajar berkemahiran dalam bidang-bidang kemahiran baru ataupun penambahan tahap

kemahiran sedia ada bagi meningkatkan kapasiti dan produktiviti kerja. Sebagai kesimpulannya, definisi yang diberikan oleh Mustapha dan Greenan (2002) dilihat lebih tepat dan menyeluruh. Oleh yang demikian, kajian ini mengadaptasikan definisi ini bagi tujuan kajian.

2.3 Senario Latihan Kemahiran Di Serata Dunia

Latihan kemahiran dan teknikal telah menjadi agenda penting di kebanyakan negara serata dunia terutama peringkat pengajian menengah atas dan peringkat pengajian tinggi (Tilak, 2002). Menurut Oketch (2007), latihan kemahiran telah dilaksanakan di hampir semua Negara Afrika yang melibatkan pembelajaran secara formal. Di Finland, latihan kemahiran dilihat sebagai proses latihan utama kepada pekerja pasaran buruh, di mana melibatkan latihan kemahiran peringkat asas, lanjutan dan latihan semula kepada pekerja. (Vouri dan Vesalainen, 1999)

Di Jerman, Deissinger (1996), Clarke dan Wall (1996) menyatakan latihan kemahiran 'dwi-sistem' (dual-system) merujuk kepada kaedah latihan di institusi latihan kemahiran dan latihan di tempat kerja, sistem latihan ini menyediakan graduan untuk memperoleh pengalaman dan kelayakan kemahiran di kedua-dua situasi yang berbeza iaitu di institusi dan di tempat kerja. Sistem latihan yang hampir sama digunakan di Switzerland (Silvestare, 1991 : Hanhart dan Bossio, 1998) dan di Georgia (Smith, 1997) di mana ia bertujuan melengkapkan seseorang dengan kemahiran dan teknikal melalui latihan di institusi dan industri.

Menurut Wolf dan Rapiou (1993) dan Bennet dan Glennerster (1995) dalam penulisan mereka menyatakan kerajaan British telah memperkenalkan sistem latihan belia kepada belia di antara 16-17 tahun dengan penyediaan program yang memberi latihan kemahiran berkaitan dengan bidang pekerjaan. Program latihan kemahiran melibatkan belia-belia lepasan sekolah juga telah diperkenalkan di Australia (Saha, 1985). Beliau berpendapat para pelajar kebiasaannya akan memilih untuk mengikuti

latihan kemahiran jika gagal melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi disebabkan kelulusan rendah dan masalah kewangan.

Smith (1997) dan Glover dan Bilginsoy (2005) dalam kajian mereka menyatakan program perantisan melibatkan belia juga telah diperkenalkan di Amerika Syarikat bagi memperlengkapkan dan memahirkan golongan belia dengan kemahiran kerja yang sesuai. Hasil dari kajian Glover dan Bilginsoy (2005) dari tahun 1996-2003, mendapati 75 peratus perantis menyertai program yang melibatkan industri. Menurut Stockmann (1997) dalam kajiannya di Amerika Latin, latihan kemahiran adalah penawar kepada masalah kekurangan pekerja mahir dalam industri pekerjaan moden.

Latihan kemahiran telah dijadikan sebahagian daripada program pendidikan selain pendidikan akademik di negara-negara Asia (Tilak, 2002). Walaupun terdapat perbezaan dari segi infrastruktur dan pelaksanaan, pembangunan berterusan program latihan kemahiran telah dijadikan agenda penting di kebanyakan negara-negara Asia. Di Malaysia, pengwujudan sistem latihan kemahiran yang diselia melalui badan-badan awam bertujuan mendedahkan belia-belia dengan kemahiran di samping membantu mereka mendapat peluang pekerjaan (Tzannatos dan Johnes, 1997). Pembangunan sistem pendidikan di Malaysia telah bermula sejak kemerdekaan pada tahun 1957 dan termasuk penubuhan institusi-institusi latihan kemahiran bagi merealisasikan matlamat mencapai status negara maju (Hashim, 2001).

2.4 Peranan Pihak Kerajaan dalam Pembangunan Latihan Kemahiran

Pembangunan program latihan kemahiran dan teknikal telah menjadi satu tajuk penting dalam usaha memperlengkapkan golongan muda dengan kemahiran yang dapat memberi peluang pekerjaan bagi menempuh cabaran mendatang. Penglibatan kerajaan di kebanyakan negara-negara di serata dunia dalam menyediakan latihan dan sokongan berterusan kepada pihak swasta dalam mengendalikan program latihan kemahiran adalah merupakan salah satu usaha penting bagi meningkatkan taraf ekonomi masing-masing.

Di beberapa Negara Eropah, peranan pihak kerajaan dilihat secara berterusan dalam penyediaan dan pembangunan program latihan kemahiran. Merujuk kepada penulisan McBride et al.(2004), Denmark dan Ireland Utara adalah merupakan dua negara Eropah yang mempunyai sistem latihan kemahiran yang dibiayai oleh kerajaan masing-masing. Manakala menurut Clarke dan Wall (1996), sistem latihan di British juga dibiayai oleh pihak kerajaan dengan sokongan dan pimpinan dari pihak majikan. Penglibatan pihak kerajaan dalam pembangunan program latihan kemahiran dapat dikekalkan mengikut piawaian yang ditetapkan (Deissinger,1996).

Kajian oleh Tzannatos dan Johnes (1997) mengenai pembangunan latihan dan kemahiran di negara-negara Asia di mana sektor perindustrian berkembang dengan pesatnya, penglibatan kerajaan dalam menyediakan pendidikan dan latihan kemahiran adalah satu usaha penting dalam perkembangan latihan kemahiran dan seterusnya membantu pembangunan negara masing-masing. Menurut Ziderman (1997), pihak kerajaan terutamanya di negara-negara membangun melihat saiz sektor latihan kemahiran memainkan peranan penting dalam pembangunan negara masing-masing di samping sektor yang membekalkan pekerja mahir kepada pembangunan industri yang semakin berkembang.

2.5 Definisi Latihan Industri

Latihan industri adalah latihan yang dilalui oleh pelajar di organisasi tempat latihan berkaitan dengan bidang kemahiran dalam jangkamasa yang ditetapkan untuk mendapatkan pengalaman sebenar dengan mempraktikkan apa yang telah dipelajari di tempat latihan. Istilah latihan industri juga menerangkan pengalaman pendek yang diperolehi tanpa melibatkan pembayaran oleh pihak industry (R.Bruce, Mary, 2003). Namun begitu terdapat segelintir syarikat yang memberi elaun kepada pelajar bagi menarik minat mereka menjalani latihan industri di tempat mereka.

2.6 Kepentingan Menjalani Latihan Industri kepada Pelajar

Pelajar wajib mengikuti kursus latihan industri dan dengan ini mendedahkan pelajar dengan dunia pekerjaan. Pelaksanaan latihan industri turut menyumbang kepada pengenalan terhadap sistem aplikasi atau perisian selain perisian yang digunapakai sekarang. Hasil dapatan Azham, Rosli dan Tee (2002) mendapati latihan industri bukanlah faktor utama yang digunakan sebagai kaedah untuk mengatasi masalah ketidakselarasan di antara industri dan pihak institusi. Ini turut disokong oleh Mohd Yusof dan Ramlee (2009) dimana ia merupakan satu kewajipan pihak kolej bagi membolehkan pelajar mendapat gambaran sebenar mengenai tugas dan tanggungjawab dalam bidang mereka yang dapat memenuhi kehendak pasaran.

Latihan industri turut membantu pihak industri dengan menyediakan tenaga kerja yang murah atau tanpa bayaran bagi 'low level tasks' dan secara tidak langsung membolehkan industri mengambil pelajar-pelajar yang pernah menjalani latihan industri bekerja dengan mereka setelah pelajar tersebut tamat pembelajaran di kolej.

2.7 Kemahiran yang diperlukan

Majikan melihat kepada individu yang mempunyai nilai tambah dan kemahiran dalam melaksanakan tugas yang diberi. "Added value" ini boleh didapati dengan menjalani latihan industri. Majikan mengharapkan pekerja mereka mempunyai keyakinan yang tinggi, kemahiran komunikasi yang baik dan mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah (Ana, 2005). Kebolehan bekerja secara berkumpulan juga turut menjadi perhatian majikan. Menurut Penny Lorento, latihan industri merupakan peluang yang terbaik untuk mempelajari apa yang dikehendaki oleh bakal majikan. Menurut beliau, antara faktor yang diberi penekanan oleh pihak industri adalah seperti beretika, bertanggungjawab dan berdikari, berintegriti, keyakinan diri yang tinggi dan bermotivasi.

Menurut Stefanie (2007), pihak industri lebih cenderung memilih pelajar yang mempunyai reputasi yang cemerlang dalam akademik kerana industri beranggapan bahawa pelajar tersebut dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih produktif. Industri juga mahukan pelajar yang fasih berbahasa Inggeris (S.N Venugopal) kerana dokumen yang terlibat dalam perniagaan kebanyakannya memerlukan mereka berkomunikasi dengan bahasa Inggeris.

Latihan industri bukan sahaja dapat meningkatkan keyakinan pelajar-pelajar bagi menghadapi alam pekerjaan sebenar tetapi juga turut membantu meningkatkan kemahiran komunikasi dengan majikan dan rakan sekerja. Pelajar yang mempunyai masalah untuk berkomunikasi dengan baik, perlu memperbaiki kelemahan diri supaya dapat menyesuaikan diri apabila bekerja di industri.

Menurut Abdul Rahman Abdul Azizi (2000), kebolehan berkomunikasi antara seorang pekerja dengan majikan atau rakan sekerja adalah merupakan satu pencapaian yang paling berharga kerana kebolehan ini membolehkan individu meningkatkan prestasi sebagai seorang pekerja.

Kebanyakan pelajar yang menjalani latihan industri adalah terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai pengalaman kerja. Oleh itu, pelajar sukar untuk menyesuaikan diri apabila berada di tempat kerja. Kebanyakan pelajar mengalami tekanan dari segi mental mahupun fizikal akibat dari beban kerja yang banyak oleh pihak industri. Sehubungan itu, pihak industri seharusnya memainkan peranan yang penting supaya pelajar dapat menjalani latihan dengan jayanya serta mampu mencapai keberkesanan kursus latihan industri.

Oleh yang demikian, bagi mencapai keberkesanan latihan industri, pihak industri atau kolej perlu merancang kursus ini dengan teliti agar memberi manfaat kepada pelajar yang akan menjalani latihan industri. Ketidaktepatan dalam perancangan latihan industri akan memberi kesan kepada pencapaian objektif latihan industri itu sendiri. Oleh itu, sebarang halangan yang menyebabkan ketidaktepatan latihan industri perlulah dikesan agar matlamat latihan industri tercapai dan dapat dimanfaatkan oleh

pelajar yang terlibat. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan Program Perantisan Khas GIATMARA – EPU dari segi kemahiran yang diperolehi oleh perantis dapat mencapai matlamat negara untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan pembangunan negara.

Hak Milik MARA

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan metodologi kajian seperti instrumen kajian, sampel kajian, prosedur dan kaedah analisis data.

3.2 Instrumen Kajian

Sebelum penganalisan data dijalankan, metodologi pengumpulan data primer yang bersesuaian untuk digunakan adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif. Bryman (1988), berpendapat bahawa kaedah kualitatif memberi gambaran kepada sesuatu insiden atau proses secara terperinci. Ia menjadikan penyelidik lebih mengetahui perkara-perkara asas berkaitan dengan kajiannya.

Untuk kajian ini, penyelidik menggunakan 2 pendekatan kualitatif iaitu melalui teknik temuramah dan perbincangan terarah berkumpulan. Walaubagaimanapun, penyelidik turut menyediakan asas-asas soalan sebagai persediaan bagi memandu temuramah atau perbincangan terarah berkumpulan bagi mencapai objektif kajian ini. Menurut Ghafar (1999), beliau menyatakan bahawa soal selidik untuk temuramah seandainya dapat dibina dan dijalankan dengan baik merupakan sesuatu kaedah yang dapat menjamin segala perkara akan diuruskan dengan mudah. Malah segala data yang diperolehi akan memudahkan proses penganalisan.

Teknik temuramah yang penulis gunakan adalah teknik temuramah semuka, ini kerana ia akan menghasilkan maklumat yang lebih tepat. Responden tidak perlu ragu-ragu atau takut untuk menyatakan sesuatu kerana temuramah dilakukan secara semuka. Selain itu, dengan penggunaan teknik temuramah, segala pertanyaan untuk mendapatkan maklumat boleh dipelbagaikan dan tidak terhad. Malah ia juga dapat menjimatkan masa kerana dapat dijalankan secara serentak di satu-satu tempat.

Bagi teknik perbincangan terarah berkumpulan, penyelidik bertindak sebagai pemudah cara kepada perbincangan. Terdapat dua faktor utama perlu diambilkira oleh penyelidik iaitu (a) tugas dan tanggungjawab ahli kumpulan, dan (b) mengekalkan kejelikitan (*cohesiveness*) kumpulan.

a) Tugas dan tanggungjawab ahli kumpulan

Tanggungjawab kumpulan dan setiap ahli kumpulan perlu diperjelaskan. Ini perlu diterangkan di awal waktu perjumpaan. Sebab dan rasional mengadakan perbincangan terarah berkumpulan dan kaitannya dengan projek kajian perlu diterangkan. Kriteria bagaimana aktiviti itu perlu dikendalikan juga dijelaskan secara terperinci dengan harapan kajian kepada semua ahli kumpulan dan bagaimana ia akan dibentangkan. Untuk mengelak kesemua ini daripada dilupakan atau disalah tafsir, helaian ringkas mengenainya diberikan kepada semua ahli.

b) Kawalselia (*maintenance*) kumpulan

Mengawalselia dan mengekalkan kejituan kumpulan bermaksud mewujudkan situasi yang selesa untuk perbincangan. Memandangkan responden adalah pelatih yang masih remaja, adalah untuk memberi penerangan perkara ini memerlukan sikap keterbukaan, saling mempercayai dan menyokong, bukannya sifat defensif, buruk sangka dan persaingan. Perlu ditegaskan kepada semua bahawa kejayaan mengekalkan keharmonian kumpulan sangat bergantung kepada ahli kumpulan dan juga penyelidik sebagai satu kumpulan yang padu. Cara yang tegas tetapi mesra untuk menangani ahli kumpulan yang suka mendominasi perlu dilakukan di peringkat awal. Begitu juga, langkah yang konkrit perlu diatur untuk menggalakkan ahli kumpulan yang pasif dan senyap supaya tampil ke hadapan untuk menyumbang idea. Semua ini

perlu disediakan bagi menjamin keberkesanan dan melahirkan persekitaran yang subur untuk penjanaaan idea dan pendapat dalam perbincangan terarah berkumpulan.

3.3 Sampel Kajian

Dalam kajian ini, data primer diperolehi daripada sesi temuramah dan perbincangan terarah berkumpulan yang diwujudkan di antara penyelidik bersama-sama responden yang terlibat. Dalam kajian ini responden adalah seramai 10 responden. Proses pengumpulan data primer ini memakan masa selama 2 bulan iaitu mulai pertengahan bulan April 2010 sehingga penghujung bulan Mei 2010

3.4 Prosidur Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada tiga perkara asas yang telah digariskan iaitu, pertama membangunkan model konsep latihan industri dalam Program Perantisan Khas GIATMARA, kedua mengenalpasti faktor-faktor keberkesanan program melalui respon pelatih dari segi modul/kurikulum yang disediakan dalam program dan yang ketiga adalah mengenalpasti pencapaian pelatih dalam pemindahan ilmu pengetahuan yang boleh digunakan di alam kerjaya sebenar nanti.

Menurut Yin (1994), perancangan bagi sesuatu penyelidikan bergantung kepada tiga keadaan dan situasi:-

- a. Jenis kajian yang dijalankan
- b. Skop kajian yang dijalankan
- c. Fokus kajian terhadap sesuatu perkara

Bagi mencapai objektif kajian yang telah digariskan, pelaksanaan kajian ini adalah berdasarkan 4 peringkat utama. Peringkat-peringkat tersebut ialah:

Peringkat Pertama : Pengenalan Kepada Kajian

Tumpuan diberikan lebih menjurus kepada mengenalpasti isu dan permasalahan kajian. Bagi mencapai tujuan ini, data pendekatan digunakan untuk membentuk permasalahan terkini yang memerlukan kajian dijalankan, iaitu:

- I. Pembacaan bahan-bahan bercetak dan kajian-kajian terdahulu bagi mengelakkan berlakunya pertindihan isu yang hendak dibincangkan
- II. Membuat pengamatan dan tinjauan ke kawasan kajian.

Hasil daripada isu dan permasalahan yang dikenalpasti, proses seterusnya melibatkan pembentukan objektif kajian yang selari dengan isu yang hendak dikupas dan sasaran penyelesaian yang bakal diperolehi. Pembentukan skop kajian dijalankan bagi mengelakkan persembahan kajian yang tidak jitu dan tidak sempurna. Penerangan terhadap kepentingan kajian turut dinyatakan dan seterusnya pembentukan metodologi serta carta aliran kajian dijalankan diakhir peringkat ini.

Peringkat Kedua : Pemahaman Teoritikal

Pada peringkat ini, perbincangan secara khusus mengenai teori sahaja yang akan menghuraikan perkara berkaitan dengan kajian. Penerangan dibuat secara menyeluruh dan bukan hanya menumpukan penghuraian ke atas kawasan kajian sahaja. Data diperolehi daripada bahan-bahan bacaan yang diterbitkan seperti buku-buku rujukan, kertas-kertas seminar, jurnal, keratan akhbar, risalah serta tesis-tesis yang terdahulu.

Peringkat Ketiga : Pengumpulan Data Kawasan Kajian

Ia proses yang penting untuk memastikan kajian yang dibuat adalah terbaik dan lengkap. Pada peringkat ini, objektif kajian akan dicapai. Sumber diperolehi daripada:

Data Primer (data utama)

Data primer sangat penting dan diperlukan untuk satu kajian yang kompeten dan realistik. Data diperolehi berdasarkan :

- Lawat periksa dan pemantauan yang dijalankan untuk mendapatkan gambaran sebenar kawasan kajian.
- Pengedaran borang soal selidik kepada responden untuk mendapatkan serba sedikit maklumat berkaitan kajian.

Data Skunder

Data sekunder diperolehi daripada:

- Bahan-bahan rujukan, jurnal, tesis dan keratan-keratan akhbar.
- Bahan-bahan bercetak yang berkaitan dengan pengurusan fasiliti mereka.

Peringkat Keempat : Penganalisan Data

Pada peringkat ini, data dan maklumat dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif yang bersesuaian dengan objektif kajian. Analisis dibuat untuk mengkaji proses-proses yang digunakan dalam pelaksanaan sistem pengurusan pengetahuan bagi sesuatu organisasi dan supaya dapat membentuk model cara pelaksanaan yang berkesan bagi pengaplikasian sistem pengurusan pengetahuan.

Peringkat Kelima : Rumusan dan Cadangan

Data-data yang telah diproses dan dianalisis akan disimpulkan atau dirumuskan, seterusnya satu kesimpulan dibuat yang merangkumi keseluruhan kajian. Beberapa cadangan lanjutan diberikan kepada para pengkaji yang akan datang.

BAB 4 ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA

4.1 Pendahuluan

Kajian Program Perantisan Khas GIATMARA ini melibatkan 10 orang perantis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walaubagaimanapun, kajian ini tidak mengambilkira pembolehubah jantina, umur dan kaum perantis yang terlibat mahupun entiti yang diceburi oleh responden yang memberi maklumbalas. Kajian keberkesanan ini dinilai dari segi adakah kurikulum/modul yang diberikan mencukupi dan diikuti sepenuhnya serta sama ada kemahiran yang diperolehi semasa menjalani program ini mampu meningkatkan kemahiran setiap pelatih program.

4.2 Persoalan Kajian

Maklumbalas perantis ke atas keberkesanan program perantisan khas GIATMARA ini dari aspek kurikulum/modul yang diberikan dan kemahiran yang diperolehi semasa menjalani latihan ini.

Hasil dari kajian dan dapatan yang telah dilaksanakan melalui temubual, lapan orang dari sepuluh orang perantis memberi maklumbalas bahawa kurikulum/modul yang telah disediakan oleh Pengurusan GIATMARA merangkumi keseluruhan aspek teknikal mengikut tahap yang dipelajari oleh perantis. Pernyataan ini adalah disokong dengan dapatan temubual yang telah dijalankan seperti berikut;

“Kandungan kursus latihan yang diberikan adalah sangat memuaskan dan jangkamasa latihan adalah mencukupi. Kami berasa sungguh gembira dan teruja dengan latihan yang dijalankan sememangnya mencukupi dan bersesuaian dengan minat kami. Program yang sebeginilah yang kami cari-cari selama ini.”

Manakala dari segi kurikulum yang dibangunkan, ianya adalah lebih fleksibel mengikut keperluan mereka. Semua kurikulum yang dibangunkan adalah mengikut

sukatan yang telah ditetapkan. Kajian ini juga mendapat maklumbalas bahawa kurikulum/modul yang dipelajari oleh perantis sangat bersesuaian dengan pekerjaan yang akan diceburi. Pernyataan ini turut disokong oleh dapatan temubual seperti berikut;

“Saya berasa sungguh bertuah dapat mengikuti program yang sungguh komprehensif ini. Saya berasa tidak kekok atau malu lagi untuk bekerja di bidang ini di masa-masa akan datang insyallah.”

“Sesungguhnya program ini amat mudah difahami oleh saya.”

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa 9 orang dari 10 orang perantis yang diajukan persoalan menunjukkan bahawa entiti perniagaan/perusahaan yang dipilih mempunyai pengetahuan yang terkini dan tinggi dalam bidang yang diajar. Dari segi kemahiran penyampaian dan berkomunikasi, entiti perniagaan/perusahaan mempunyai kemahiran penyampaian dan komunikasi yang baik. Kurikulum/modul yang diberikan oleh Pengurusan GIATMARA diberikan sepenuhnya kepada pelatih. Pernyataan di atas adalah disokong dengan dapatan-dapatan temubual yang telah dijalankan seperti berikut;

“Saya berasa sungguh teruja untuk mengikuti kelas pembelajaran. Kaedah yang digunakan sungguh merangsang minat saya untuk belajar dan terus belajar. Semua modul yang telah disediakan diberikan sepenuhnya kepada saya. Tenaga pengajar yang mengajar sungguh terampil sekali. Seronok belajar dengan mereka yang berpengalaman ini.”

Dari segi pemilihan entiti pula, entiti selalu menepati masa semasa latihan diberikan. Entiti sentiasa membantu pelatih semasa menjalani latihan. Dari segi faktor masa pula, entiti perniagaan/perusahaan menggunakan masa pengajaran dengan sebaiknya. Entiti perniagaan/perusahaan menilai tugas perantis dengan adil. Dari segi kerjasama dan bantuan yang diberikan, entiti perniagaan/perusahaan ini mudah didekati dan dihubungi apabila perantis ini memerlukan bantuan dan tunjuk ajar. Segala ilmu yang ada pada entiti perniagaan/perusahaan akan dicurahkan kepada peserta perantis. Entiti perniagaan/perusahaan juga sentiasa prihatin terhadap kemajuan perantis dan sentiasa

menggalakkan perantis supaya sentiasa bertanya semasa latihan dijalankan. Sewaktu dalam latihan, entiti perniagaan/perusahaan sentiasa berada di dalam kelas atau bengkel dan sentiasa menunjuk ajar kepada perantis.

Sementara dari segi keselamatan pula, kebanyakan perantis memberi maklumbalas dimana entiti perniagaan/perusahaan sangat-sangat mementingkan aspek keselamatan di dalam bengkel atau kelas. Begitu juga entiti perniagaan/perusahaan ini amat mementingkan aspek kebersihan di dalam bengkel atau kelas. Di samping itu, objektif untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan pembangunan Negara juga boleh dicapai melalui program ini.

Hak Milik MARA

BAB 5 KESIMPULAN

Bab ini memfokuskan kepada bahagian yang berkaitan dengan perbincangan rumusan hasil kajian serta cadangan. Perbincangan yang dibuat adalah berdasarkan kepada hasil analisis yang diperolehi dari Bab 4. Manakala cadangan akan dikemukakan agar tindakan-tindakan tertentu dapat diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan berdasarkan hasil dapatan kajian dan cadangan terhadap kajian yang boleh dilaksanakan.

5.1 Rumusan

Dari aspek kemahiran, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden memberi maklumbalas bahawa kemahiran yang mereka perolehi hasil dari mengikuti program ini mampu adanya tahap peningkatan. Penilaian berterusan yang dibuat oleh entiti telah menyebabkan responden sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran mereka. Responden juga mengakui bahawa kemahiran mereka meningkat kerana penyampaian yang berkesan dari entiti. Selain dari itu, responden juga bersetuju bahawa kemahiran yang mereka perolehi adalah kerana entiti melaksanakan pengajaran secara praktikal. Ini berdasarkan temubual dengan entiti perniagaan/perusahaan, didapati bahawa perantis-perantis masih kurang keyakinan diri untuk melaksanakan tugas tanpa bantuan daripada pihak lain.

Hasil kajian juga mendapati bahawa kemahiran yang responden perolehi adalah melalui penggunaan peralatan yang disediakan oleh pihak entiti. Selain itu, juga diakui bahawa kemahiran yang diperolehi dari program ini adalah kerana kemudahan yang disediakan di dalam bengkel mencukupi dan mengikut keperluan sesuatu kursus. Begitu juga dengan kemudahan bahan latihan yang secukupnya telah banyak membantu responden untuk meningkatkan kemahiran mereka di sepanjang mengikuti program ini. Tambahan pula bidang yang mereka ceburi banyak pendedahan kepada perkara-perkara

berbentuk teknikal berbanding dengan zaman persekolahan mereka di mana semuanya berbentuk akademik.

Berdasarkan kajian dan maklumbalas yang telah diadakan mendapati bahawa kemahiran responden telah jauh meningkat berbanding sebelum responden ini mengikuti program perantisan oleh GIATMARA Sdn Bhd.

5.2 Implikasi Kajian Terhadap Masa Depan

Kajian Program Perantisan Khas GIATMARA ini melibatkan 10 orang perantis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian keberkesanan ini dinilai dari segi adakah kurikulum/modul yang diberikan mencukupi dan diikuti sepenuhnya serta sama ada kemahiran yang diperolehi semasa menjalani program ini mampu meningkatkan kemahiran setiap pelatih program.

Hasil dapatan kajian sememangnya akan menjadi implikasi terhadap pengetahuan pihak penganjur tentang maklumbalas program yang dianjurkan untuk proses penambaan program. Ianya juga boleh dijadikan bahan contoh untuk pelaksanaan program seumpamanya oleh pihak yang berkenaan di masa akan datang. Cadangan akan dikemukakan agar tindakan-tindakan tertentu dapat diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan berdasarkan hasil dapatan kajian dan cadangan terhadap kajian yang boleh dilaksanakan.

5.3 Limitasi Dan Cadangan Untuk Masa Depan

Walaupun kajian ini menunjukkan bahawa program ini sangat baik di mana ianya dapat mencapai objektifnya tetapi keputusan kajian ini adalah amat terbatas kerana ianya hanya melibatkan 10 orang responden sahaja iaitu 10 orang perantis dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

Satu kajian tambahan yang lebih meluas meliputi bilangan perantis dan entiti perniagaan/perusahaan yang lebih besar dan dipilih secara rawak dari seluruh negara

adalah diperlukan di masa- masa akan datang untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih jitu. Kajian juga perlu melihat kepada konstruk dan pembolehubah lain yang mungkin memberikan kesan kepada keberkesanan terhadap tahap kemahiran perantis ini.

Antara aspek yang boleh dikaji adalah merangkumi aspek susulan/hasil atau outcome perantis itu sendiri. Ini termasuklah kajian berapa ramaikah perantis yang menjadi usahawan, berapa ramaikah perantis yang bekerja dengan syarikat yang berkaitan, berapa ramaikah yang bekerja dengan bidang yang berlainan, berapa ramaikah yang masih menganggur dan sebagainya.

Sekiranya hasil kajian ini dijadikan asas rujukan kepada penambahbaikan, Program Perantisan Khas GIATMARA adalah dicadangkan untuk untuk mengambil beberapa tindakan bagi memenuhi harapan pelatih yang mengikuti program ini di masa-masa akan datang. Walaupun hasil kajian menunjukkan keseluruhan program ini amat baik dari segi keberkesanannya namun masih terdapat banyak ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan.

RUJUKAN

- Anon. (2005) Ucapan bajet 2006 oleh Perdana Menteri Malaysia. *Berita Harian*, 1 Oktober.
- Anon. (2006) Memperkukuh landasan merentas sempadan. *Utusan Malaysia*, 2 Januari:2
- Bitner, M.J., Booms, B.H. dan Mohr, L.A. (1994) Critical service encounters: the employee's viewpoint. *Journal of Marketing*, Vol. 58, ms 95-106
- Data Statistik Pusat Kemahiran Bertauliah 2010, <http://www.nvta.gov.my> [dilihat pada April 2010]
- Dreyfus, H. L. dan Dreyfus, S.E. (1986) *Mind over machine : the power of human intuition and expertise in the age of the computer*. Oxford: Basil Blackwell
- Han, F. dan Leong, D. (1996) *Productivity and service quality: An assential reading for service provider*. Singapore: Prentice Hall
- Hansen, U., Hennig-Thurau, T. dan Wochnowski, H. (2000) TEACH-Q. Schaffer-Poeschet, ms 311-45
- Harnash-Glezer, M. dan Meyer, J. (1991) Dimensions of satisfaction with collegiate education. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, Vol. 16 N. 2, ms 95-107
- Hennig-Thurau, T. Langer, M.F. dan Hansen, U. (2001) Modelling and managing students loyalty: an approach based on the concept relationship quality. *Journal of Service Research*, Vol. 3 no. 4, ms 331-344
- Jabatan Perhubungan Korporat (2010) GIATMARA Sendirian Berhad 2010. [dilihat pada April 2010]

- Lagrosen, S., Seyyed-Hashemi, R. dan Leithner, M. (2004) Examination of the dimensions of quality in higher education. *Quality Assurance in Education*, Vol.12 No. 2, ms 61-69
- Le Blanc, G. & Nguyen, N. (1999) Listening to the customer's voice: examining perceived service value among business college students. *The International Journal of Educational Management*, Vol.13 No. 4, ms 187 – 198
- Lee, C. C. dan Yang, J. (2000) Knowledge value chain. *Journal of Management Development*, Vol.19 No.9, ms 783-793
- Local to Global 2008, <http://www.capam.org/assets/mal004.pdf> [dilihat pada April 2010]
- Owlia, M. S. dan Aspinwall, E. M. (1996) A framework for the dimensions of quality in higher education. *Quality Assurance in Education*, Vol.12 No.1, ms 39-52
- Parasuraman, A. (1986) Customer-oriented organizational culture: a key to successful services marketing. *American Marketing Association*, ms 73-77
- Patterson, P.G. dan Johnson, L.W. (1993) Disconfirmation of expectations and the gap model of service quality: an integrated paradigm. *Journal of Satisfaction, Dissatisfaction and Complaining Behavior*, Vol. 6, pp 90-9
- Pekeliling Pentadbiran GIATMARA Bil 01/2010: Nama kluster, kursus, kod dan tempoh latihan [dilihat pada April 2010]
- Voss, R. dan Gruber, T. (2006) The desired teaching qualities of lecturers in higher education: a means end analysis. *Quality Assurance in Education*, Vol. 14 No. 3, ms 217-242

Zeithaml, V. A., Berry, L.L. dan Parasuraman, A. (1993) The nature and determinants of customer expectations of service. *Journal of the Academy of Marketing Science*, Vol.21 No.1, ms 1-12

Zeithaml, V. A., Parasuraman, A. dan Berry, L. L. (1990) *Delivering quality service:balancing customer perceptions and expectations*. New York: The Free Press

Hak Milik MARA

LAMPIRAN

Lampiran A

(Sumber: Pekeliling GIATMARA Bil 01/2010)

Bil.	Kursus Ditawarkan	Tempoh Latihan (bulan)
1	Industrial Maintenance	12
2	Seni Landskap dan Taman	6
3	Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam	6
4	Mekanik Industri	6
5	Tool and Die Technology	24
6	Teknologi Automotif	12
7	Teknologi Baikpulih dan Mengecat Kenderaan	6
8	Teknologi Motosikal	6
9	Penyelenggaraan Enjin Marin	6
10	Pemanduan Kenderaan Perdagangan	3
11	Teknologi Perabot dan Rekaan Dalaman	6
12	Composite Technology	6
13	Teknologi Foundri	6
14	Pendawai Elektrik	15
15	Teknologi Penyejukbekuan dan Penyaman Udara	6
16	Penjaga Jentera Elektrik (A0)	18
17	Penjaga Jentera Elektrik (A1)	18
18	Teknologi Sistem Komputer	6
19	Multimedia Design and Production	12
20	Graphic Design and Advertising	12
21	Teknologi Animasi	6

22	Teknologi Elektronik Audio Visual	12
23	Elektronik Industri	12
24	Fashion and Dressmaking	6
25	Hiasan Dalaman	6
26	Teknologi Percetakan	6
27	Desktop Publishing Artist	6
28	Teknologi Fotografi	6
29	Masakan dan Pramusaji	6
30	Confectionary and Bakery	6
31	Seni Reka Gaya Rambut	6
32	Solekan dan Terapi Kecantikan	6
33	Child Care and Family Service	6

Hak Milik MARA

Lampiran B**Ringkasan**

Program latihan kemahiran GIATMARA telah dilaksanakan sejak tahun 1986 dan hingga kini hampir 200,000 orang pelatih telah berjaya dilatih dalam pelbagai bidang kemahiran.

Walaupun dengan peruntukan yang amat terhad dan kemudahan latihan seperti bengkel dan alatan yang kurang berbanding dengan institusi latihan kemahiran yang lain, GIATMARA sentiasa menempa kejayaan dalam pelbagai pertandingan yang melibatkan pelatih dan anggota kerja GIATMARA seperti Pertandingan Kemahiran Malaysia, Pertandingan Inovasi dan Rekacipta, Pertandingan Myskill dan juga pertandingan di peringkat antarabangsa seperti Pertandingan Kemahiran di peringkat Asean dan Worldskill Competition.

Walaupun dalam serba kekurangan, GIATMARA masih mendapat tempat dan pilihan terutama di kalangan belia yang berminat dalam meningkatkan kemahiran. Hasil dari kejayaan yang telah ditempa oleh GIATMARA, maka pada tahun 2009, Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah memberi kepercayaan kepada GIATMARA untuk melaksanakan program perantisan Khas GIATMARA dengan meluluskan peruntukan sebanyak RM 12 juta dengan bilangan perantis seramai 5,000 orang akan diberi latihan kemahiran untuk pelajar-pelajar yang tercicir dari sistem persekolahan bagi memastikan golongan ini memperolehi peluang untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi dan mambantu mereka meningkatkan taraf hidup. Selain itu program ini juga dapat membantu belia yang tercicir dari sistem persekolahan untuk mendapat kemahiran yang diperlukan bagi tujuan mendapatkan pekerjaan atau menjadi usahawan. Melalui program ini juga dapat melibatkan entiti perniagaan/perusahaan setempat dalam menyediakan peluang latihan dan pekerjaan kepada golongan tersebut.

Kaedah Pelaksanaan Program Perantisan GIATMARA - EPU.

Program ini berbeza dengan latihan sedia ada di GIATMARA. Program ini dijalankan di luar institusi iaitu dengan menempatkan perantis di entiti perniagaan/perusahaan yang dipilih. Perantis terlibat secara langsung dengan latihan berasaskan projek atau tugas dalam situasi pekerjaan sebenar di dalam bidang kemahiran yang diikuti di bawah pengawasan penyelia entiti perniagaan/perusahaan yang ditempatkan. Jangkamasa program adalah selama enam bulan.

GIATMARA bertanggungjawab membayar elaun perantis sebanyak RM 200.00 sebulan kepada setiap perantis. Bayaran ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh GIATMARA dari semasa ke semasa. Bayaran insentif kepada entiti perniagaan/perusahaan adalah sebanyak RM 200.00 sebulan bagi setiap perantis. Bayaran ini juga tertakluk kepada pindaan oleh GIATMARA dari semasa ke semasa. Perantis mendapat perlindungan insuran sepanjang tempoh latihan. Pusat GIATMARA bertanggungjawab mendapatkan insuran (berkelompok) sepanjang tempoh latihan di entiti perniagaan/perusahaan.

Syarat-syarat pemilihan tempat latihan adalah seperti berikut:

1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia
2. Keutamaan diberikan kepada usahawan lepasan GIATMARA yang berdaftar dengan Kelab Usahawan GIATMARA (KUG).
3. Telah menjalankan operasi/berdaftar syarika sekurang-kurangnya tiga(3) tahun,kecuali KUG sekurang-kurangnya satu(1) tahun.
4. Mempunyai peralatan dan kelengkapan yang mencukupi dan bersesuaian bagi menjalankan latihan yang dicadangkan.
5. Berkemampuan dan berkesanggupan untuk memberi latihan yang diperlukan oleh perantis.

6. Lokasi bersesuaian dengan bidang perniagaan yang dijalankan
7. Premis berada di dalam keadaan yang menjamin keselamatan perantis semasa menjalani latihan di tempat berkenaan

Proses pendaftaran entiti perniagaan/perusahaan adalah seperti berikut:

1. Entiti perniagaan/perusahaan membuat permohonan kepada GIATMARA
2. GIATMARA memproses dan menyemak permohonan sebelum dihantar ke Pusat GIATMARA Negeri.
3. GIATMARA bertanggungjawab menyiasat dan menilai entiti perniagaan/perusahaan yang membuat permohonan.

Pemilihan peserta.

Senarai pelajar tercicir boleh diperolehi melalui beberapa kaedah. Diantara agensi yang boleh dihubungi untuk memperolehi maklumat tersebut adalah:

1. Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW)
2. Pejabat Pelajaran Daerah dan Negeri
3. Sekolah-sekolah Menengah
4. Jabatan Kebajikan Masyarakat
5. Pejabat-pejabat MARA Daerah dan Negeri
6. Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK)
7. Pertubuhan Belia

Permohonan dan pengambilan dibuat secara berterusan. Borang-borang permohonan boleh didapati di semua Pengurus Pusat GIATMARA (PGM), Pengurus GIATMARA Negeri (PGN) dan Ibu Pejabat GIATMARA.

Syarat am penyertaan

1. Berstatus Bumiputera
2. Berumur diantara 15 hingga 20 tahun
3. Berminat dalam bidang latihan yang dipohon
4. Belum pernah mengikuti Program Perantisan
5. Sihat tubuh badan
6. Calon sedang menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) perlu mendapatkan pengesahan dari pihak sekolah
7. Bersetuju menandatangani borang perjanjian

Proses Pemantauan

1. Pemantauan dibuat oleh GIATMARA yang berkenaan sebulan sekali pada minggu terakhir setiap bulan.
2. Pemantauan dari semasa ke semasa boleh dibuat oleh Pegawai Perhubungan Industri (PPI), Pengurus GIATMARA Negeri (PGN), wakil PGN serta Unit Program Khas (UPK) jika perlu.
3. Setiap pegawai yang membuat pemantauan perantis dikehendaki menyemak dan mengesahkan Buku Log yang dibekalkan kepada setiap perantis.

Tanggungjawab Perantis

1. Menerima dan mengikuti arahan dan nasihat dari pihak GIATMARA dari semasa ke semasa.
2. Mengikuti arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh entiti perniagaan/perusahaan atau wakilnya di sepanjang tempoh latihan secara bertulis atau lisan.
3. Mengikuti sepenuhnya peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Surat Perjanjian Perantisan.
4. Berpakaian kemas atau berpakaian seragam yang ditetapkan ssemasa mengikuti latihan dan mengikut peraturan tempat latihan.

Tanggungjawab Entiti Perniagaan/Perusahaan

1. Memberi latihan kemahiran kepada perantis dalam bidang perniagaan yang dijalankan.
2. Latihan merangkumi semua bidang tugas mengikut cara dan amalan biasa
3. Mengesahkan Buku Log

SOALAN MAKLUMBALAS

Hak Milik MARA



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
National University of Malaysia

KAJI SELIDIK KEBERKESANAN PROGRAM PERANTISAN KHAS

GIATMARA – EPU

Lokasi: Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Sesi temubual ini bertujuan untuk mendapat maklum balas dari perantis program perantisan GIATMARA dari segi kurikulum/modul yang diberikan dan kemahiran yang diperolehi dari program yang diikuti. Pandangan dan maklum balas tuan/puan sepanjang sesi ini dikelola amatlah dihargai bagi penambahbaikan terhadap program ini.

1. ITEM 1 : **KEBERKESANAN MODUL/KURIKULUM**

BIL	ITEM
1.1	Modul kemahiran GIATMARA merangkumi keseluruhan aspek teknikal mengikut tahap yang saya pelajari
1.2	Kandungan kursus latihan yang saya ikuti ini adalah memuaskan
1.3	Jangkamasa latihan untuk kursus yang saya ikuti ini mencukupi.
1.4	Saya yakin akan dapat mengikuti kursus yang saya ikuti ini dengan sempurna.
1.5	Latihan amali yang diberikan GIATMARA adalah bersesuaian dengan minat saya
1.6	Latihan amali yang diberikan GIATMARA di dalam kursus ini mencukupi
1.7	Pengetahuan teori yang diberikan dalam kursus ini mencukupi
1.8	Kurikulum program latihan yang saya ikuti adalah fleksibel mengikut keperluan saya
1.9	Kurikulum program latihan yang saya ikuti mengikut sukatan yang telah ditetapkan
1.10	Silibus program latihan yang saya ikuti sekarang perlu diubah supaya selaras dengan keperluan dengan keperluan institusi dimana pelatih boleh menyambung pelajaran.
1.11	Perkara yang dipelajari dalam kurikulum latihan yang saya ikuti sangat sesuai dengan pekerjaan yang akan saya ceburi.

2. ITEM 2 : KUALITI ENTITI PERNIAGAAN/PERUSAHAAN DALAM MELAKSANAKAN LATIHAN

BIL	ITEM
2.1	Entiti mempunyai pengetahuan yang terkini dalam bidang yang diajar
2.2	Entiti mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang yang diajar
2.3	Entiti mempunyai kemahiran penyampaian dan komunikasi yang baik
2.4	Entiti selalu menepati masa semasa sesi pengajaran
2.5	Entiti sedia membantu pelatih semasa pengajaran
2.6	Entiti menggunakan masa pengajaran dengan sebaiknya
2.7	Entiti memberi pujian terhadap perlakuan baik perantis
2.8	Entiti menilai tugas perantis dengan adil
2.9	Entiti menguruskan kelas dengan baik
2.10	Entiti mudah didekati dan dihubungi apabila diperlukan
2.11	Entiti prihatin terhadap kemajuan perantis
2.12	Entiti menggalakan perantis berbincang dalam kelas
2.13	Entiti sentiasa berada dalam bengkel/bilik kuliah semasa pengajaran
2.14	Entiti mementingkan aspek keselamatan di dalam bengkel
2.15	Entiti mementingkan aspek kebersihan dalam bengkel

ITEM 3: KOMITMEN PENTADBIRAN DALAM MEMASTIKAN PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN BERKUALITI

BIL	ITEM
3.1	Pengurus prihatin terhadap keperluan perantis
3.2	Pelatih mudah berurusan dengan pihak pengurusan/pentadbiran
3.3	Pengurus selalu membuat lawatan di sekitar entiti perniagaan
3.4	Pengurus bersedia mendengar pandangan perantis
3.5	Pengurus memberi perhatian terhadap keperluan akademik perantis
3.6	Pengurus memberi perhatian terhadap keperluan ko-kurikulum perantis
3.7	Pengurus memberi perhatian terhadap pembangunan sahsiah perantis
3.8	Anggota kerja memberi layanan yang mesra, mudah didekati dan sedia membantu
3.9	Sistem saluran aduan perantis disediakan
3.10	Aduan perantis diambil tindakan dengan kadar segera
3.11	Perantis diberikan penerangan berhubung peraturan GIATMARA

4. ITEM 4 : Implikasi Program Latihan kepada Pengetahuan Kemahiran

BIL	ITEM
4.1	Ilmu pengetahuan yang diperolehi adalah perkara baru dan tidak pernah saya pelajari sebelum ini
4.2	Saya memahami objektif setiap modul latihan yang dipelajari
4.3	Kertas penerangan/nota yang disampaikan oleh tenaga pengajar membantu saya untuk memahami sesuatu topic
4.4	Saya mendapat pengetahuan melalui bahan bacaan / buku yang disediakan
4.5	Saya mendapat pengetahuan tambahan melalui kemudahan internet yang disediakan
4.6	Saya memahami teori yang diajar oleh tenaga pengajar semasa dalam kelas
4.7	Persekitaran bengkel/bilik kuliah memberi semangat untuk saya meningkatkan pengetahuan dalam bidang yang saya pelajari
4.8	Aktiviti luar dapat menambah pengetahuan saya dalam bidang yang saya ikuti

ITEM 5 : Tahap KEMAHIRAN pelatih dalam bidang yang dipelajari

BIL	ITEM
5.1	Saya memahami objektif latihan amali yang hendak dicapai dalam sesuatu modul
5.2	Modul latihan sangat membantu saya untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang yang saya ikuti
5.3	Masa yang diberikan adalah mencukupi untuk saya meningkatkan kemahiran
5.4	Penilaian secara berterusan menyebabkan saya sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran
5.5	Kemahiran saya meningkat kerana penyampaian yang berkesan oleh entiti
5.6	Saya dapat meningkatkan kemahiran kerana Entiti melaksanakan pengajaran secara praktikal
5.7	Kemahiran yang saya perolehi melalui penggunaan peralatan yang disediakan semasa latihan
5.8	Kemudahan yang disediakan dalam bengkel /bilik kuliah membantu saya meningkatkan kemahiran saya
5.9	Bahan latihan yang digunakan mencukupi untuk saya gunakan dalam meningkatkan kemahiran
5.10	Aktiviti luar membolehkan saya meningkatkan kemahiran dalam bidang yang diikuti
5.11	Kemahiran diperolehi banyak dibantu oleh alat Bantu mengajar